

Kata Sa'id (bin Abi 'Arubah dalam riwayatnya) daripada Qataadah: "Janganlah seseorang itu meludah ke depan atau ke hadapannya, tetapi (hendaklah dia meludah) ke sebelah kiri atau ke bawah kedua tapak kakinya."⁹¹⁰ Syu'bah berkata: "Seseorang itu tidak boleh meludah ke hadapannya atau ke sebelah kanannya tetapi hendaklah meludah ke sebelah kirinya atau ke bawah tapak kakinya."⁹¹¹ Humaid (at-Thawil) berkata (dalam riwayat yang diambilnya) daripada Anas daripada Nabi s.a.w.: "Janganlah seseorang itu meludah ke arah qiblat dan ke sebelah kanannya tetapi hendaklah dia meludah ke sebelah kiri atau ke bawah tapak kakinya."⁹¹²

باب الإبراد بالظهر في شدة الحر

menghadap Allah. Antara adab yang disebutkan di dalam hadits ini ialah tidak meludah ke arah qiblat. Kerana di dalam hadits riwayat Ibnu 'Umar yang lalu (lihat hadits no: 391) tersebut sabda Rasulullah s.a.w. bahawa: فَإِنَّ اللَّهَ قَبْلَ وَجْهِهِ إِذَا صَلَّى (kerana Allah s.w.t berada di hadapannya apabila dia bersembahyang). (4) Antara adab ketika bersembahyang lagi ialah tidak meludah ke sebelah kanan. Kerana di sebelah kanan orang yang bersembahyang itu ada malaikat rahmat yang mencatat pahala sembahyangnya. Abu Hurairah meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: فَإِنَّ عَنْ يَمِينِهِ مَلَكًا (kerana sesungguhnya di sebelah kanannya ada malaikat). Sila lihat hadits no: 399 yang lalu. (5) Peringatan Rasulullah s.a.w. supaya kita umatnya bersembahyang dengan sebaik mungkin. Baginda s.a.w. menyebutkan secara khusus tentang kaifiat sujud. Kerana banyak sekali keadaan sujud yang tidak sesuai dengan keadaan sembahyang yang sempurna. Antranya ialah dengan seseorang menghamparkan kedua lengannya seperti anjing. (6) Kedudukan arah tidak sama daripada segi kelebihan dan kemuliaannya. Arah paling utama dan mulia ialah arah qiblat. Arah kanan pula lebih mulia daripada arah kiri. (7) Sembahyang adalah ibadat yang paling afdhal kerana di dalamnya jua seseorang hamba dapat bermunajat dan berbicara dengan Allah. Oleh itu patut sekalilah ia dikerjakan dengan sebaik mungkin dengan mengikhlaskan niat dan dengan penuh khushu' dan khudhu' kepadaNya.

⁹¹⁰ Bermula dari sini Imam Bukhari menyebutkan beberapa ta'liqaat. Riwayat Sa'id bin Abi 'Arubah ini, juga dengan sanad di atas telah dikemukakan oleh Ahmad dan Ibnu Hibbaan secara maushul di dalam kitab mereka masing-masing.

⁹¹¹ Syu'bah juga telah mengambil hadits ini daripada Qataadah dengan sanad di atas. Riwayatnya secara maushul dikemukakan oleh Bukhari sendiri di bawah باب لِيَنْزُقَ عَنْ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ الْيُسْرَى melalui saluran riwayat Adam daripada Syu'bah. Di bawah باب حَكِّ الْمَخَاطِ مِنَ الْمَسْجِدِ pula melalui saluran Hafsh bin 'Umar daripada Syu'bah. Tujuan Bukhari mengemukakan riwayat ta'liq Sa'id bin Abi 'Arubah dan Syu'bah ialah untuk menyatakan perbezaan lafaz riwayat hadits ini yang diterima oleh murid-murid Qataadah daripada beliau. Riwayat Syu'bah adalah yang paling lengkap. Tetapi di dalamnya tidak terdapat cerita munajat (orang yang bersembahyang itu bermunajat dengan Tuhannya).

⁹¹² Riwayat ta'liq daripada Humaid daripada Anas juga diwashalkan oleh Bukhari sendiri di bawah باب إِذَا بَدَرَهُ الْبَرَقُ فَلْيَأْخُذْ بِطَرَفِ ثَوْبِهِ. Begini sanad lengkapnya: حَدَّثَنَا مَالِكُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا قَالَ حَدَّثَنَا . هُمَيْدٌ عَنْ أَنَسٍ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ (dan ke sebelah kanannya).

*91- Bab Melewatkan Sembahyang Zohor Sehingga Agak Sejuk (Sedikit) Ketika Sangat Panas.*⁹¹³

⁹¹³ Ada dua perkara yang perlu dibincangkan tentang tajuk bab yang dibuat Bukhari ini. **Pertamanya** tentang tujuan beliau mengadakan bab ini. **Keduanya** berkenaan dengan kenapa Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri. Sepatutnya bab 93 didahulukan, kerana ia menyatakan permulaan masuk waktu Zohor. Menurut Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyangkal pendapat Syafi'e. Syafi'e berpendapat, sembahyang Zohor elok dikerjakan di awal waktu dalam apa keadaan sekalipun. Bagi beliau itulah waktu asal yang paling afdhal untuk bersembahyang Zohor. Kalau ada pun hadits-hadits yang menyuruh supaya melewati sembahyang Zohor, itu disebabkan oleh adanya ahli jama'ah yang terpaksa datang ke masjid dari jauh. Bab yang menyusul selepas ini pula diadakan Bukhari untuk menolak alasan yang dikemukakan Syafi'e itu. Kerana dalam perjalanan, tidak timbul lagi soal menunggu ahli jama'ah yang akan datang dari jauh. Semua mereka memang berkumpul di satu tempat perhentian. **Syeikh Zakariya berpendapat**, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menolak semua qaid (ikatan) dan syarat yang dikenakan oleh sesetengah 'ulama' ke atas perintah Rasulullah s.a.w. supaya melewati bersembahyang Zohor ketika panas yang sangat kuat. Antara qaid dan syarat yang dikemukakan adalah seperti berikut: (1) Ia khusus dengan negeri-negeri yang terlalu panas cuacanya. (2) Apabila ada ahli jama'ah yang datang dari jauh ke masjid, sedangkan tidak ada laluan teduh untuk mereka. (3) Di musim panas, dalam keadaan cuaca sangat panas. (4) Ia tidak untuk orang yang bersembahyang sendirian di rumah. (5) Perintah itu khusus dengan masjid atau tempat-tempat sembahyang berjama'ah yang lain. (6) Ia tidak untuk orang-orang yang rumahnya dekat dengan masjid atau tempat sembahyang berjama'ah. **Imam Bukhari tidak bersetuju** dengan semua qaid yang dikemukakan itu. Kerananya beliau mengadakan bab yang menunjukkan keharusan, malah keelokan bersembahyang Zohor lewat ketika sangat panas secara mutlaq tanpa sebarang qaid. Sama ada kerana kepanasan di musim panas atau kepanasan kerana lain-lain sebab. Sama ada di masjid atau di rumah dan sama ada untuk sembahyang dengan berjama'ah atau sembahyang sendirian. Dalam apa saja keadaan dan di mana-mana pun, kepanasan mengharuskan seseorang melewati sembahyang Zohor hingga ke waktu agak sejuk. Malah melewati sembahyang Zohor dalam keadaan panas seperti itu adalah lebih afdhal daripada mengerjakannya di awal waktu. Bagi penulis, boleh jadi juga Imam Bukhari bermaksud mengadili dan mengimbangi pendirian Anas yang kelihatan amat bertentangan dengan pendirian para pemimpin Bani Umaiyah. Seolah-olahnya beliau hendak mengatakan bahawa melewati sembahyang Zohor kerana sesuatu sebab seperti panas dan lain-lain yang boleh menghilangkan khusyu' ketika bersembahyang, tidak termasuk dalam bab mensia-siakan atau mengabaikan sembahyang. **Berhubung dengan perkara kedua** pula, al-'Aini berpendapat, sebabnya Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri ialah untuk mengambil berat tentang waktu afdhal bersembahyang Zohor. Bahawa ia tidak semestinya di awal waktu. Dalam keadaan-keadaan tertentu bersembahyang Zohor lewat sedikit lebih afdhal daripada bersembahyang di awal waktu. Hafiz Ibnu Hajar berpendapat, Bukhari mendahulukan bab ini daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri kerana sudah tentu kalau seseorang bersembahyang di waktu ibraad (cuaca agak sejuk), bererti dia bersembahyang selepas matahari tergelincir, bukan sebelumnya. Imam Bukhari seolah-olahnya mengisyaratkan kepada awal waktu Zohor (dengan tajuk bab ini) atau beliau mengisyaratkan kepada hadits Jaabir bin Samurah, katanya: *كَانَ بِلَالٌ يُؤَدِّنُ الطَّهْرَ إِذَا تَحَضَّثَ الشَّمْسُ*. Bermaksud: "Bilal selalu melaungkan azan Zohor apabila matahari tergelincir." Syeikh Zakariya menganggap ta'wilan Hafiz Ibnu Hajar itu lebih sukar untuk diterima berbanding ta'wilan yang dibuat al-'Aini sebelum ini. Bagi beliau, Bukhari mengadakan bab khusus untuk awal waktu

٥٠٢ - حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ سُلَيْمَانَ بْنِ بِلَالٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ عَنْ سُلَيْمَانَ قَالَ صَالِحُ بْنُ كَيْسَانَ حَدَّثَنَا الْأَعْرَجُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ وَغَيْرُهُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَنَافِعٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّهُمَا حَدَّثَاهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا عَنْ الصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ

502- Ayyub bin Sulaiman bin Bilal meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Bakar (Abdul Hamid bin Abi Uwais al-Ashbahi) meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman (bin Bilal iaitu ayah Ayyub guru Bukhari), Saleh bin Kaisan berkata: al-A'raj 'Abd al-Rahman dan selainnya meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hurairah dan Naafi' hamba bebasan 'Abdullah bin 'Umar daripada 'Abdullah bin 'Umar daripada Rasulullah s.a.w. bahawa baginda bersabda: "Apabila kuat sangat panas maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk,⁹¹⁴ kerana panas yang kuat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam."

Zohor secara terang selepas ini. Untuk apa pula beliau mengisyaratkan kepadanya di sini? Sebenarnya Bukhari membuat bab ini lebih dahulu daripada Bab Waktu Zohor itu sendiri kerana hendak mengisyaratkan kepada bab yang telah dibuatnya sebelum ini iaitu Bab Orang Yang Bersembahyang Itu Bermunajat (Berbicara) Dengan Tuhannya. Kalau begitu sembahyang tidak seharusnya dikerjakan dalam keadaan tidak selesa seperti dalam keadaan terlalu panas dan sebagainya. Tentu sekali berbicara dalam keadaan tidak selesa seperti itu tidak akan memberi kepuasan dan kelazatan. Ia juga tidak akan menimbulkan rasa khusyu' yang sangat-sangat dituntut oleh Allah ketika kita bersembahyang. Imam Bukhari telah membuat Bab Bersembahyang Di Tempat Yang Pernah Ditimpa 'Azab Allah. Tujuan beliau mengadakan bab itu ialah untuk menyatakan tidak elok bersembahyang di tempat yang pernah ditimpa 'azab Allah, maka begitulah juga tidak elok bersembahyang pada ketika nyata kesan tempat 'azab Allah yang sangat dahsyat iaitu neraka Jahannam.

⁹¹⁴ Ibnu Qudaamah berkata: "Kita tidak mengetahui ada khilaf tentang keelokan menyegerakan sembahyang Zohor dalam keadaan tidak panas dan tidak bermendung. Kata 'Aaisyah: مَا رَأَيْتُ أَحَدًا كَانَ أَشَدَّ تَعْجِيلًا لِلظُّهْرِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا مِنْ أَبِي بَكْرٍ وَلَا مِنْ عُمَرَ melihat sesiapa pun yang lebih cepat mengerjakan sembahyang Zohor daripada Rasulullah s.a.w., Abu Bakar dan 'Umar. Adapun dalam keadaan sangat panas, maka hasil pendapat al-Khiraqi ialah elok mengerjakannya pada ketika agak sejuk dalam semua keadaan. Inilah zahir pendapat Ahmad. Ini juga pendapat Ishaq, Ashaab ar-Ra'yi dan Ibnu al-Munzir. Pegangan mereka ialah zahir sabda Rasulullah s.a.w.: إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا عَنْ الصَّلَاةِ (Apabila kuat sangat panas, maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk)." Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Perintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang Zohor lewat pada waktu agak sejuk itu adalah perintah yang memberi erti elok (istihbab) mengerjakan begitu. Sesetengah 'ulama' mengatakan ia merupakan perintah bersifat anjuran untuk kebaikan duniawi kita (أمر إرشادي). Sesetengah yang lain pula berpendapat perintah itu adalah perintah wajib. Demikianlah dinukilkan oleh Qadhi 'Iyaadh dan lain-lain. Al-Kirmaani tidak menyedari tentang khilaf ini. Beliau menukulkan ijmaa' 'ulama' tentang perintah Rasulullah ini bukanlah sebagai perintah wajib." Menurut Imam at-Thahaawi ada tanda-tanda berupa hadits yang menunjukkan hadits ibraad memansuhkan hadits-hadits yang lain. Antaranya ialah hadits riwayat al-Mughirah bin Syu'bah, kata beliau: كُنَّا نَصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الظُّهْرِ بِالْهَاجِرَةِ فَقَالَ لَنَا أَبْرِدُوا بِالصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ Bermaksud: Dahulu kami selalu bersembahyang

٥٠٣ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ حَدَّثَنَا غُنْدَرٌ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ الْمُهَاجِرِ أَبِي الْحَسَنِ سَمِعَ زَيْدَ بْنَ وَهْبٍ عَنْ أَبِي دَرٍّ قَالَ أَذَّنَ مُؤَدِّنُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ فَقَالَ أَبْرَدُ أَوْ قَالَ أَنْتَظِرُ أَنْتَظِرُ وَقَالَ شِدَّةُ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ فَإِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرَدُوا عَنْ الصَّلَاةِ حَتَّى رَأَيْنَا فِيَاءَ التَّلَوْلِ

503- Muhammad bin Basysyar (Bundaar) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ghundar (Muhammad bin Ja'far. Beliau adalah anak tiri Syu'bah) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada al-Muhajir Abi al-Hasan, beliau mendengar Zaid bin Wahb (al-Hamdaani al-Juhani) daripada Abi Zarr (Jundab bin Junaadah r.a.), katanya: "Pernah mu'azzin nabi s.a.w. hendak melaungkan azan Zohor." Nabi s.a.w. terus berkata: "Nanti agak sejuk! Nanti agak sejuk!" atau baginda s.a.w. berkata: "Tunggu! Tunggu!" Dan Baginda bersabda: "Panas yang sangat kuat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam. Apabila panas kuat sangat, lewatkanlah sembahyang Zohor sehingga keadaan (cuaca) agak sejuk. (Sembahyang itu dikerjakan oleh rasulullah s.a.w. agak lewat) Sehingga kami nampak bayang-bayang busut.⁹¹⁵

٥٠٤ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْمَدِينِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَفِظْنَاهُ مِنَ الزُّهْرِيِّ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا بِالصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ وَاشْتَكَّتِ النَّارُ إِلَى رَبِّهَا فَقَالَتْ يَا رَبِّ أَكُلْ بَعْضِي بَعْضًا فَأَذِنَ لَهَا بِنَفْسَيْنِ نَفْسٍ فِي الشِّتَاءِ وَنَفْسٍ فِي الصَّيْفِ فَهُوَ أَشَدُّ مَا يَجِدُونَ مِنَ الْحَرِّ وَأَشَدُّ مَا يَجِدُونَ مِنَ الزَّمْهِرِيرِ

504- `Ali bin `Abdillah al-Madini meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan meriwayatkan kepada kami, katanya: Kami ingat (hafal) hadits ini daripada az-Zuhri daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: "Apabila kuat sangat panas, tunggulah sehingga agak sejuk untuk bersembahyang. Kerana kepanasan yang kuat sangat itu adalah berpunca daripada

Zohor bersama Rasulullah s.a.w. pada waktu tengah hari yang panas terik. Kemudian Baginda s.a.w. berkata kepada kami: "Apabila kuat sangat panas, maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk, kerana panas yang kuat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan. Ibnu Hibbaan menghukum hadits ini sahih)." Al-Khallaal menukilkan pendapat Ahmad bahawa beliau berkata: "Inilah perintah terakhir Rasulullah s.a.w."

⁹¹⁵ Bayang-bayang busut baru akan kelihatan apabila matahari sudah terlalu jauh condong (ke barat misalnya untuk negeri-negeri di sebelah timur seperti kita di Malaysia). Pada ketika itu waktu Zohor sudah sangat lewat.

hembusan neraka Jahannam.⁹¹⁶ Neraka mengadukan halnya kepada Tuhan, katanya: “Oh Tuhanku! Sebahagianku telah memakan sebahagian yang lain.”⁹¹⁷ Maka Tuhan mengizinkannya menghembuskan dua nafas; satu nafas (nyatanya) pada musim sejuk dan satu nafas lagi (nyatanya) pada musim panas. Itulah (punca) kepanasan luar biasa dan kesejukan luar biasa yang kamu alami.”

٥٠٥- حَدَّثَنَا عُمرُ بْنُ حَفْصٍ بْنُ غِيَاثٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ حَدَّثَنَا أَبُو صَالِحٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْرِدُوا بِالظُّهْرِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ تَابِعُهُ سُفْيَانُ وَيَحْيَى وَأَبُو عَوَانَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ 505- 'Umar bin Hafsh bin Ghiyas meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepada kami, katanya: al-A'masy meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Saleh meriwayatkan kepada kami daripada Abi Sa'id, beliau berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tunggulah sehingga agak sejuk untuk bersembahyang Zohor. Kerana Kerana kepanasan yang kuat sangat itu adalah berpunca daripada hembusan neraka Jahannam.”⁹¹⁸ Sufyan, Yahya dan Abu 'Awanah menjadi mutabi' kepadanya (dalam meriwayatkan hadits ini) daripada al-A'masy.

⁹¹⁶ Pada umumnya kepanasan dan kesejukan dunia dikaitkan dengan matahari. Mana-mana kawasan bumi yang kedudukannya lebih hampir dengan matahari akan lebih panas berbanding kawasan-kawasan yang kedudukannya lebih jauh daripada matahari. Bagaimana pula di dalam hadits ini dikatakan ia berpunca daripada neraka Jahannam? Sebenarnya tidak pertentangan di antara penemuan sains dan apa yang disabdakan oleh Rasulullah di dalam hadits ini. Bezanya hanyalah para saintis mengaitkan kepanasan dan kesejukan yang terdapat di bumi dengan sebabnya yang dekat iaitu matahari. Nabi s.a.w. pula mengaitkan kepanasan dan kesejukan yang terdapat di bumi dengan sebabnya yang jauh di sebalik sebabnya yang dekat iaitu neraka Jahannam. Kalau anda bertanya para saintis itu, dari mana datangnya punca kepanasan bumi ini? Mereka akan menjawab dari matahari. Kalau anda bertanya lagi mereka, dari mana pula datangnya punca kepanasan matahari itu sendiri. Mereka tidak akan dapat memberikan jawapan yang tepat untuknya. Nabi s.a.w. pula dengan tepat dan terang mengatakan dari neraka Jahannam.

⁹¹⁷ Apakah pengaduan neraka kepada Tuhan yang tersebut di dalam hadits ini dalam bentuk percakapan yang sebenar-benarnya (لسان المقال) atau dalam bentuk hal semata-mata (لسان الحال)? Kebanyakan 'ulama' hadits atau boleh dikatakan kesemua mereka mengatakan, tidak mustahil pengaduan neraka itu dipakai dengan ma'na sebenarnya. Bahkan memakaikan ma'na sebenar untuknya adalah lebih baik. Itulah pendapat Ibnu 'Abdil Barr, Qadhi 'Iyaadh, al-Qurthubi, an-Nawawi, at-Turpasyti, Ibnu al-Munaiyyir dan lain-lain. Al-Baidhawi mengatakan semua yang tersebut di dalam hadits ini adalah kiasan. Pengaduan neraka bererti nyalanya dan maraknya yang amat dahsyat. Sebahagiannya memakan sebahagian yang lain bererti kesesakannya kerana ketiadaan sesuatu untuk dimakan. Hembusan nafasnya pula bererti keluarnya sesuatu yang keluar daripadanya.

⁹¹⁸ Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang dapat diambil daripada hadits-hadits di bawah bab ini ialah: (1) Dalam keadaan terlalu panas Nabi s.a.w. menganjurkan kita umatnya supaya

mengerjakan sembahyang Zohor lewat sedikit. Tujuan Baginda s.a.w. ialah supaya sembahyang dikerjakan dalam keadaan selesa dan penuh khusyu'. (2) Kebanyakan 'ulama' berpendapat perintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang Zohor pada waktu sudah agak sejuk adalah perintah istihbab. (3) Pernah juga Nabi s.a.w. sendiri bersama-sama sahabatnya bersembahyang Zohor pada waktu sangat lewat, ketika mana bayang-bayang busut kelihatan. (4) Neraka Jahannam sudah dicipta oleh Allah dan telah wujud sekarang. Kepanasan dan kesejukan bumi adalah berpunca daripadanya. (5) Bukan manusia sahaja pandai mengadu hal. Dengan kekuasaan dan izin Allah binatang, batu-batan benda-benda lain yang tidak hidup seperti kita juga pandai mengadukan hal masing-masing. (6) Neraka mempunyai dua Thabaqah (lapisan / bahagian). Pertamanya ialah thabaqah nariyyah berupa api yang amat-amat panas dan keduanya ialah thabaqah Zamhariyyah berupa kesejukan yang tidak terperi.

بَابُ الْإِبْرَادِ بِالظَّهْرِ فِي السَّفَرِ

92- Bab Melewatkan Sembahyang Zohor Sehingga Agak Sejuk Dalam Perjalanan.⁹¹⁹

⁹¹⁹ Imam Bukhari dikatakan telah membuat tajuk ini untuk beberapa tujuan berikut: (1) Menyatakan masyru'nya ibraad (menunggu sehingga cuaca agak sejuk untuk bersembahyang Zohor) itu bukan khusus dengan keadaan hadhar (keadaan di mana seseorang berada di tempat sendiri dan tidak bermusafir) semata-mata, malah ia juga masyru' (disyari'atkan) dalam keadaan seseorang itu bermusafir. Inilah pendapat Hafiz Ibnu Rajab, Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-'Aini. (2) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menolak secara halus pendapat Syafi'e yang mengatakan bahawa hadits-hadits ibraad yang menyuruh supaya dilewatkan sembahyang Zohor itu sebenarnya disebabkan oleh adanya ahli jama'ah yang terpaksa datang ke masjid dari jauh. Bukankah dalam perjalanan tidak timbul lagi soal menunggu ahli jama'ah yang datang dari jauh, kerana semua mereka memang berkumpul di satu tempat perhentian? Dalam keadaan itu juga Nabi s.a.w. memerintahkan supaya menunggu sehingga cuaca agak sejuk! (3) Menolak pendapat Hanafiyyah dalam masalah waktu 'Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Alasan mereka ialah kata-kata sahabat di dalam hadits di bawah bab ini: حَتَّى رَأَيْنَا فِيهِ الظُّلَّ (Sehingga kelihatan kepada kami bayang pusu). Dalam riwayat Bukhari yang lain mereka berkata: حَتَّى سَاوَى الظِّلُّ الظُّلَّ (Sehingga bayang pusu menjadi sama panjang dengannya). Tidak mungkin mereka bersembahyang Zohor dalam waktunya jika kita menerima waktu Zohor itu berakhir apabila bayang sesuatu yang rendah seperti pusu menjadi sama panjang dengannya. Kerana bayang pusu baru akan kelihatan secepat-secepatnya setelah bayang sesuatu yang panjang dan tinggi menegak menjadi sekali ganda lebih panjang. Dan tentu sekali pada ketika itu sudah hampir masuk waktu 'Ashar. Bagi Bukhari pula, oleh kerana sembahyang itu dikerjakan Baginda dan para sahabatnya dalam perjalanan, apa salahnya kalau ia dikerjakan pada waktu 'Ashar sekalipun. Tentulah ia dikerjakan sebagai jama' ta'khir. Jadi hadits ini tidak seharusnya dijadikan sebagai dalil oleh golongan Hanafiyyah tentang waktu Zohor berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Ini adalah pendapat Syeikh Zakariya r.a. (4) Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri pula berpendapat, golongan Hanafiyyah tidak sepatutnya menjadikan kata-kata sahabat حَتَّى رَأَيْنَا فِيهِ الظُّلَّ (Sehingga kelihatan kepada kami bayang pusu) atau kata mereka: حَتَّى سَاوَى الظِّلُّ الظُّلَّ (Sehingga bayang pusu menjadi sama panjang dengannya) itu sebagai dalil untuk mazhab Hanafi tentang Waktu Zohor baru habis apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Sebabnya ialah kata-kata sahabat itu tidak jelas menunjukkan pada ketika Nabi s.a.w. bersembahyang dalam perjalanan itu dengan mereka, bayang sesuatu telah menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Kata-kata para sahabat di sini sepatutnya difahami sebagai mubalaghah sahaja. Maksudnya hanyalah menyatakan Rasulullah s.a.w. pada hari itu telah bersembahyang Zohor betul-betul lewat, iaitu pada waktu 'Ashar sudah hampir masuk. (5) Bagi penulis, mungkin sekali maksud Bukhari mengadakan bab ini dan bab sebelumnya ialah untuk menyatakan perintah Ibraad (menunggu sehingga cuaca agak sejuk untuk bersembahyang Zohor) itu dalam keadaan bermukim boleh diperlewatkan hingga ke akhir waktu Zohor. Dalam keadaan bermusafir pula ia boleh diperlewatkan hingga masuk waktu 'Ashar. Kerana orang yang bermusafir boleh menjama'kan sembahyang Zohor dan 'Asharnya dalam waktu 'Ashar sebagai jama' ta'khir. Hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini jelas menunjukkan Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya bersembahyang Zohor ketika bayang-bayang pusu telah kelihatan. Kalau begitu tentulah sembahyang Zohor itu dikerjakan

٥٠٦ - حَدَّثَنَا آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا مُهَاجِرُ أَبُو الْحَسَنِ مَوْلَى لِبْنِي تَيْمٍ اللَّهُ قَالَ سَمِعْتُ زَيْدَ بْنَ وَهْبٍ عَنْ أَبِي ذَرٍّ الْغِفَارِيِّ قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَرَادَ الْمُؤَدِّنُ أَنْ يُؤَدِّنَ لِلظُّهْرِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْرِدْ ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يُؤَدِّنَ فَقَالَ لَهُ أَبْرِدْ حَتَّى رَأَيْنَا فِيءَ الثَّلُولِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَنِيحِ جَهَنَّمَ فَإِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا بِالصَّلَاةِ وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ {يَتَفَيَّؤُ} يَتَمَيَّلُ

506- Adam bin Abi Iyaas meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj) meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhaajir Abul Hasan hamba bebasan Bani Taimillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya mendengar Zaid bin Wahb (al-Juhani al-Kufi) meriwayatkan daripada Abi Zarr al-Ghifaari, katanya: "Pernah kami bersama Nabi s.a.w. dalam satu perjalanan. Mu'azzin⁹²⁰ hendak melaungkan azan untuk sembahyang Zohor, tetapi Nabi s.a.w. berkata: "Tunggulah sehingga agak sejuk!". Selepas beberapa ketika, mu'azzin tersebut hendak melaungkan azan pula, tetapi Baginda berkata lagi: "Tunggulah biar agak sejuk!".⁹²¹ Sehingga kelihatan kepada kami bayang

mereka dalam waktu 'Ashar. (6) Menurut sesetengah 'ulama', باب الإنذار بالظُّهْرِ فِي شِدَّةِ الْحَرِّ (91- Bab Melewatkan Sembahyang Zohor Sehingga Agak Sejuk (Sedikit) Ketika Sangat Panas) merupakan takmilah (penyempurna) kepada bab sebelumnya. Bab ini pula diadakan Bukhari semata-mata sebagai tatimmah (pelengkap) kepada باب الإنذار بالظُّهْرِ فِي شِدَّةِ الْحَرِّ itu sendiri. Dengan kata lain Bukhari tidaklah mengemukakannya sebagai asas da'waannya. Asas da'waan beliau sebenarnya terletak pada باب المصلي يتأجى ربه عز وجل atau Bab Orang Yang Bersembahyang Itu Bermunajat (Berbicara) Dengan Tuhannya.

⁹²⁰ Berdasarkan riwayat Ibnu Abi Syaibah daripada Syabaabah dan Musaddad daripada Umaiyyah bin Khalid, Tirmizi melalui saluran riwayat Abi Daud at-Thayaalisi, Abu 'Awaanah melalui saluran riwayat Hafsh bin 'Umar dan Wahb bin Jarir. Thahaawi dan al-Jauzaqi juga melalui saluran riwayat Wahb. Semua mereka meriwayatkan daripada Syu'bah. Di dalam riwayat mereka semua, tersebut dengan jelas nama mu'azzin berkenaan. Beliau ialah Bilaal.

⁹²¹ Demikianlah tersebut di dalam hadits ini, mu'azzin hendak melaungkan azan sebanyak dua kali. Di dalam riwayat Abi Daud daripada Abi al-Walid daripada Syu'bah tersebut ثلاثا مرتين أو ثلاثا (sebanyak dua kali atau tiga kali) dengan ada syak perawi. Tetapi di dalam riwayat Bukhari daripada Muslim bin Ibrahim daripada Syu'bah di bawah باب الأذان للمسافر tersebut begini: فَأَرَادَ الْمُؤَدِّنُ أَنْ يُؤَدِّنَ فَقَالَ لَهُ أَبْرِدْ ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يُؤَدِّنَ فَقَالَ لَهُ أَبْرِدْ حَتَّى سَاوَى الظِّلَّ الثَّلُولِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَنِيحِ جَهَنَّمَ Bermaksud: Mu'azzin hendak melaungkan azan (untuk sembahyang Zohor), tetapi Nabi s.a.w. berkata: "Tunggulah sehingga agak sejuk!". Kemudian mu'azzin tersebut hendak melaungkan azan pula, tetapi Baginda berkata lagi: "Tunggulah biar agak sejuk!". Kemudian (sekali lagi) mu'azzin hendak melaungkan azan, Nabi s.a.w. terus berkata kepadanya: "Tunggulah biar agak sejuk!". Kata Abu Zarr: حَتَّى سَاوَى الظِّلَّ الثَّلُولِ (Sehingga bayang pusu menjadi sama panjang dengannya). Pada ketika itu Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah (berpunca) daripada hembusan neraka jahannam." Riwayat ini jelas menyatakan mu'azzin hendak melaungkan azan sebanyak tiga kali tanpa sebarang syak. **Berhubung dengan kemusykilan tentang azan dalam peristiwa ini, sama ada ia dilaungkan di awal waktu Zohor atau apabila Rasulullah s.a.w. hendak bersembahyang setelah cuaca panas agak reda, para 'ulama' berbeza pandangan tentangnya. Kebanyakan 'ulama' berpendapat, zahir hadits ini menunjukkan bahawa ia dilaungkan setelah cuaca panas agak reda dan Nabi s.a.w. telah**

pusu.” (Pada ketika itu barulah dilaungkan azan dan) Nabi s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah (berpunca) daripada hembusan neraka jahannam.⁹²² Apabila kuat sangat panas, tunggulah sehingga agak sejuk untuk

bersedia mengerjakannya pada waktu agak lewat daripada biasa. Ada juga ‘ulama’ berpendapat, azan dalam peristiwa ini dilaungkan seperti biasa sebaik sahaja masuk waktu Zohor. Apa yang tersebut di dalam hadits ini, bahawa mu’azzin beberapa kali hendak melaungkan azan tetapi dilarang Rasulullah s.a.w. itu sebenarnya adalah iqamat. Ini kerana perkataan azan di dalam hadits sering juga digunakan dengan ma’na iqamat. Terutamanya apabila dilihat riwayat Tirmizi daripada Abi Zarr yang dengan jelas menyebutkan iqamat, bukan azan. Berikut adalah riwayat Tirmizi itu, lengkap dengan sanad dan terjemahannya: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غِيْلَانَ حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ الطَّيَالِسِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا عَنْ أَبِي زَرٍّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي سَفَرٍ وَمَعَهُ بِلَالٌ فَأَرَادَ أَنْ يُقِيمَ فَقَالَ شُعْبَةُ عَنْ مُهَاجِرِ أَبِي الْحَسَنِ عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهَبٍ عَنْ أَبِي ذَرٍّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُبْرِذَ فِي الظُّهْرِ قَالَ حَتَّى رَأَيْنَا فِيءَ التَّلَوْلِ ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُبْرِذَ ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يُقِيمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَتَحِ جَهَنَّمَ فَأَبْرُوا عَنِ الصَّلَاةِ Bermaksud: Pernah Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan. Bilal ada bersama Baginda s.a.w. Bilal hendak beriqamat. Tetapi Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tunggulah sehingga agak sejuk!”. Kemudian Bilal hendak beriqamat pula, tetapi Baginda berkata lagi: “Tunggulah biar agak sejuk untuk bersembahyang Zohor!”. Kata Abu Zarr: حَتَّى رَأَيْنَا (Sehingga kelihatan kepada kami bayang pusu). Kemudian Bilal beriqamat dan Nabi s.a.w. bersembahyang. Selepas itu Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah (berpunca) daripada hembusan neraka jahannam. Oleh itu kamu hendaklah menunggu sehingga agak sejuk untuk bersembahyang (Zohor).” Imam Tirmizi menghukum hadits ini hasan sahih. Bagi mereka azan sunat dilaungkan di awal waktu dalam semua keadaan untuk memberitahu orang ramai tentang masuknya waktu sembahyang fardhu. Sama ada sembahyang akan terus didirikan selepas azan atau didirikan beberapa lama selepasnya. Pada pandangan penulis, dalam perjalanan elok sekali kita mengikut hadits di bawah bab ini. Azan dan iqamat dilaungkan apabila sampai masa hendak bersembahyang. Pada kebiasaannya sesuatu kumpulan dalam perjalanan berada pada tempat yang sama. Dengan itu mereka dapat berkumpul dengan mudah untuk berjama’ah. Dalam keadaan bermukim pula azan elok dilaungkan di awal waktu. Tidak kira sama ada dalam keadaan cuaca terlalu panas atau dalam keadaan cuaca sederhana seperti biasa. Faedahnya ialah memberitahu kepada orang ramai yang berselerak di kediaman masing-masing tentang masuknya waktu sembahyang. Sebaik mendengar azan, orang-orang yang ‘uzur misalnya dapat terus bersembahyang di rumah. Demikian juga dalam keadaan cuaca terlalu panas, seseorang yang tidak sanggup ke masjid dapat terus mengerjakan sembahyang di rumah, sebaik sahaja mendengar azan yang menandakan telah masuknya waktu sembahyang Zohor.

⁹²² Sedikit perbincangan tentang punca kepanasan di bumi telah pun dikemukakan di dalam nota:916 yang lalu. Sebenarnya kepanasan yang kita rasai di bumi ini tidaklah semata-mata kerana jauh atau dekatnya kedudukan mana-mana bahagian bumi dengan matahari. Banyak lagi faktor-faktor lain yang menentukannya. Kenyataan para saintis bahawa puncanya adalah matahari, tidak lebih daripada menyatakan salah satu sebabnya. Kenyataan ini tidak pernah disangkal oleh al-Qur’an atau al-hadits. Kenyataan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini juga sebenarnya adalah tentang salah satu sebabnya yang lain pula. Sebab untuk berlaku sesuatu perkara tidak semestinya hanya satu. Ia mungkin berbilang. Kepanasan matahari adalah sebabnya yang dekat. Sementara hembusan neraka Jahannam pula adalah sebabnya yang jauh yang merupakan punca bagi kepanasan matahari itu sendiri. Dalam pada para saintis menerima mataharilah sebabnya, masih lagi mereka berkata bahawa faktor-faktor dan sebab-sebab lain yang berbeza-beza juga memainkan peranan dalam menentukan perbezaan cuaca di muka bumi ini. Selain daripada kedudukan muka bumi yang lebih dekat dengan matahari, ketinggiannya dari aras

bersembahyang.”⁹²³ Ibnu ‘Abbas berkata: يَتَمَيَّلُ bererti يَتَمَيَّلُ (berubah; beredar; berpindah-randah; berbolak-balik).⁹²⁴

laut, lembut atau kerasnya muka bumi di sesuatu tempat, terdapat banyak atau sedikitnya pokok-pokok kayu adalah antara faktor-faktor lain yang menyebabkan kawasan-kawasan muka bumi itu berbeza daripada segi cuacanya. Perubahan arah tiupan angin juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan pertukaran musim. Sebabnya kalau diambil kira semata-mata lebih dekatnya dengan matahari, niscaya kawasan-kawasan bumi yang berada pada garisan lintang yang lebih kurang sama tidak akan begitu berbeza daripada segi panas dan sejuknya. Lihat saja sebagai contohnya dua kawasan di Pakistan iaitu Sibi dan Quetta. Kedua-duanya berdekatan dan berada pada garisan lintang yang lebih kurang sama, tetapi cuacanya berbeza sekali. Ketika Quetta diliputi salji, Sibi pula meruap-ruap kepanasan. Para ‘ulama’ Nahu berbeza pendapat tentang perkataan من di dalam sabda Rasulullah s.a.w.: إِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ قَيْحِ جَهَنَّمَ. Terjemahan yang diberikan di atas bersama penjelasan yang diutarakan oleh penulis sebentar tadi sebenarnya adalah berdasarkan perkataan itu dipakai dengan ma’na ابتدائية (berpunca daripada) atau سببية (disebabkan oleh). Perkataan من ini boleh juga dipakai sebagai من تبعضية dan من جنسية. Kalau ia dipakai sebagai من تبعضية, maka ia akan memberi erti sebahagian daripada. Berdasarkan erti ini sabda Baginda s.a.w. itu seharusnya diterjemahkan dengan: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah sebahagian daripada hembusan / wap neraka jahannam.” Dan kalau ia dipakai sebagai من جنسية pula, maka ia bererti dari jenis. Berdasarkan erti ini sabda Baginda s.a.w. itu akan diterjemahkan dengan: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah dari jenis hembusan / wap neraka jahannam.” Ada juga ‘ulama’ memakai perkataan من itu di sini sebagai من تشبيهية yang memberi erti serupa dengan, sama seperti, bagaikan, macam, laksana dan sebagainya. Jadi kalau ia dipakai sebagai من تشبيهية, maka terjemahannya akan jadi begini pula: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu bagaikan / seperti hembusan neraka jahannam.” Antara من yang dipakai dengan ma’na تشبيهية menurut sesetengah ‘ulama’ hadits ialah من pada sabda Rasulullah s.a.w.: إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ Bermaksud: Sesungguhnya wanita itu diciptakan seperti tulang rusuk. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Nasaa’i, Tirmizi, Ahmad, Ibnu Hibbaan, Thabaraani dan lain-lain). Beginilah terjemahannya jika anda menganggap من di dalamnya sebagai من تشبيهية. من تشبيهية ini sama saja ma’nanya dengan ك. Kerana itulah terdapat riwayat lain yang menggantikan من dengan ك. Antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w. ini: إِنَّ الْمَرْأَةَ كَالضِّلَعِ Bermaksud: Sesungguhnya wanita itu seperti tulang rusuk. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Nasaa’i, Tirmizi, Daarimi, Ibnu Hibbaan, Abu ‘Awaanah, Ahmad, al-Bazzaar dan lain-lain). Ditinjau dari sudut pandang ilmu Balaghah pula, para ‘ulama’ terbahagi kepada dua kumpulan dalam menentukan keterangan Rasulullah s.a.w. itu. Ada yang berpendapat ia dipakai dengan ma’na haqiqinya. Dengan erti kepanasan matahari dan bumi ini pada hakikatnya memang berpunca daripada kepanasan neraka Jahannam. Ada juga yang berpendapat keterangan itu berupa majaz tasybih (مجاز التشبيه). Dengan erti kepanasan yang kita rasai dan alami di bumi ini menyerupai kepanasan neraka jahannam atau ia merupakan secebis contoh kepanasan neraka Jahannam. Ia tidak memberi erti berpunca, malah sebaliknya memberi erti menyerupai. Kedudukan ma’nanya lebih kurang sama dengan من تشبيهية yang telah disebutkan sebelum ini. Taqdirnya adalah seperti berikut: إِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ تُشَبِّهُ قَيْحَ جَهَنَّمَ أَوْ مِثْلَ قَيْحِ جَهَنَّمَ Bermaksud: “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah meyerupai hembusan / wap neraka jahannam.” Atau “Sesungguhnya kepanasan yang amat sangat itu adalah seperti hembusan / wap neraka jahannam.

⁹²³ Para ‘ulama’ berbeza pendapat tentang perintah Rasulullah s.a.w. ini. Adakah ia memberi erti wajib, sunat atau istihbab atau ia hanya satu rukhsah semata-mata? Kebanyakan ‘ulama’ berpendapat ia adalah perintah istihbab. Ia merangkumi orang-orang yang hendak bersembahyang

بَابُ وَقْتِ الظُّهْرِ عِنْدَ الزَّوَالِ وَقَالَ جَابِرٌ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِالْمَاجِرَةِ

secara berjama'ah di masjid dan juga orang-orang yang hendak bersembahyang secara bersendirian di rumah dan lain-lain tempat, di negeri-negeri yang sangat panas atau di negeri-negeri yang tidak terlalu panas.

⁹²⁴ Tujuan Imam Bukhari mengemukakan kata-kata Ibnu 'Abbaas di sini ialah kerana adanya kesesuaian di antara perkataan yang ditafsirkan oleh beliau iaitu يَتَقَيُّوْنَ dengan perkataan فِيَّ yang tersebut di dalam hadits di atas. Perkataan يَتَقَيُّوْنَ yang ditafsirkan oleh Ibnu 'Abbaas dengan يتميل itu sebenarnya tersebut di dalam firman Allah di bawa ini:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَتَقَيُّوْا ظِلَّهُ. عَنِ الْيَمِينِ وَالشَّمَائِلِ سُجَّدًا لِلَّهِ وَهُمْ دَاخِرُونَ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah diciptakan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang) dalam keadaan sujud kepada Allah, sedang mereka merendahkan diri? (an-Nahl:48). Sudah menjadi kebiasaan Bukhari di dalam kitab Sahihnya, apabila tersebut di dalam sesuatu hadits satu perkataan ganjil yang juga terdapat di dalam al-Qur'an, beliau akan mengisyaratkan kepada perkataan di dalam al-Qur'an itu. Sama ada ia betul-betul sama dengan perkataan yang terdapat di dalam hadits atau kedua-duanya berpunca daripada perkataan yang sama. Tujuan beliau ialah mengingatkan para pembaca kitabnya kepada sumber rujukan utama umat Islam dalam segala perkara. Antara pengajaran, pedoman dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keelokan melewatkan sembahyang Zohor ketika panas keterlaluan, sehingga kepanasan berkurang sedikit dan cuaca sudah agak sejuk. (2) Perintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang pada ketika sudah agak sejuk itu berlaku untuk kedua-dua keadaan, bermukim dan bermusafir. Dengan syarat sebabnya ada, iaitu keadaan panas yang keterlaluan. (3) Dalam keadaan bermukim, Nabi s.a.w. sering juga melewatkan sembahyang hingga ke akhir waktu Zohor. Dalam keadaan bermusafir pula, Baginda s.a.w. sering juga melewatkan sembahyang Zohor sehingga masuk waktu 'Ashar. Kedua-dua sembahyang Zohor dan 'Ashar dikerjakan Baginda sebagai jama' ta'khir. (4) Hikmat bersembahyang Zohor lewat dalam keadaan itu ialah menenangkan orang yang hendak bersembahyang. Supaya ia dapat bersembahyang dengan penuh khusyu' dan bersungguh-sungguh tanpa sebarang keresahan. (5) Menurut kebanyakan 'ulama', hukum ini khusus dengan negeri-negeri yang panas cuacanya. Ia tidak berlaku di negeri-negeri sejuk. Oleh itu tidaklah ada kelebihan melewatkan sembahyang Zohor di negeri-negeri sejuk. (6) Zahir hadits ini dan juga apa yang mafhum daripada hikmat tersirat di sebaliknya menunjukkan perintah Baginda s.a.w. itu umum untuk setiap orang yang hendak bersembahyang, sama ada secara berjama'ah di masjid atau bersendirian di mana-mana sekalipun. (7) Keelokan bersembahyang dalam keadaan tidak ada sebarang gangguan, tekanan atau apa-apa yang boleh menghilangkan khusyu'. Khusyu' dalam sembahyang itulah roh sembahyang. Ia merupakan sesuatu yang paling dituntut dan dikehendaki daripada sembahyang seseorang. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. ada bersabda: لَا صَلَاةَ بِخَضِرَةِ الطَّعَامِ وَلَا وَهُوَ يَدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ Bermaksud: Tiada sembahyang dalam keadaan makanan sudah tersedia. Tiada juga sembahyang dalam keadaan seseorang itu terdesak oleh perasaan hendak buang air. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain). (8) Di dalam hadits-hadits sering juga perkataan azan digunakan dengan erti iqamat. (9) Neraka Jahannam sudah dicipta oleh Allah dan telah wujud sekarang. Kepanasan dan kesejukan bumi adalah berpunca daripadanya. (10) Boleh dikatakan fenomena alam yang saban hari disaksi dan dialami manusia itu merupakan peringatan dan ancaman daripada Allah kepada manusia tentang kehidupan mereka sesudah mati dan tentang kaitan alam dunia dengan alam semesta di sekelilingnya.

Q3- Bab Waktu Zohor Bermula Sebaik Sahaja Tergelincir Matahari.⁹²⁵ Jabir (bin `Abdillah) Berkata: Nabi S.A.W. Selalu Bersembahyang (Zohor) Pada Waktu Panas Terik Di Tengah Hari.⁹²⁶

⁹²⁵ Sebenarnya di bawah Kitab Mawaaqit as-Shalah, inilah bab pertama yang benar-benar membicarakan tentang waktu-waktu sembahyang. Imam Bukhari memulakannya dengan waktu Zohor. Begitulah pada umumnya para 'ulama' apabila membicarakan tentang waktu-waktu sembahyang, mereka memulakannya dengan waktu Zohor, bukan Subuh. Sebabnya ialah pada keesokan hari selepas berlalunya malam mi'raj kepada Rasulullah s.a.w., Jibril datang ke bumi untuk mengajarkan kepada Baginda tatacara sembahyang dan waktu-waktunya. Sembahyang yang mula-mula sekali diajarkan oleh Jibril a.s. secara praktikal pada hari itu ialah sembahyang Zohor. Itulah sebabnya sembahyang Zohor disebut para 'ulama' sebagai sembahyang yang pertama (الصلاة الأولى). Selain itu, hikmat juga menghendaki apa-apa yang dialami dan disaksikan Rasulullah s.a.w. pada malam mi'raj dan apa-apa yang diwajibkan ke atas umat berupa sembahyang dan lain-lain, disampaikan Baginda s.a.w. kepada para sahabat secara ijmal (dalam bentuk rumusan) terlebih dahulu. Kemudian barulah tiba masa menyampaikan semua yang tersebut itu secara tafshil (terperinci) pula melalui Jibril yang datang pada waktu tengah harinya. Para 'ulama', sama ada dari kalangan imam-imam empat mazhab atau Ahli az-Zahir, boleh dikatakan bersepakat semuanya tentang permulaan waktu Zohor. Sebaik sahaja matahari tergelincir, itulah waktunya bagi mereka. Ya, memang benar ada segelintir 'ulama' salaf berpendapat, waktu Zohor belum lagi masuk dengan semata-mata tergelincirnya matahari. Malah bagi mereka, selepas tergelincir matahari perlulah berlalu sedikit lagi waktu iaitu apabila bayang sesuatu yang menegak menjadi kira-kira selebar tali kasut. Pada ketika itu barulah masuk waktu Zohor. Dalil mereka dalam masalah ini ialah sebuah hadits Rasulullah s.a.w. Lihatlah hadits itu dengan terjemahannya di bawah ini, khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya: حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا عَنْ سَفْيَانَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ فُلَانٍ عَنْ أَبِي رُبَيْعَةَ عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ نَافِعِ بْنِ جُبَيْرٍ بْنِ مُطْعَمٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْنِي جَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ الْبَيْتِ مَرَّتَيْنِ فَصَلَّى بِي الظُّهْرَ حِينَ زَالَتْ الشَّمْسُ وَكَانَتْ قَدَرُ الشَّرَاكِ وَصَلَّى بِي الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي يَغْنِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمَ وَصَلَّى بِي الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ وَصَلَّى بِي الْفَجْرَ حِينَ حَرَّمَ الطَّعَامَ وَالشَّرَابَ عَلَى الصَّائِمِ فَلَمَّا كَانَ الْغَدُ صَلَّيْتُ بِي الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّهُ مِثْلَهُ وَصَلَّى بِي الْمَغْرِبَ حِينَ أَفْطَرَ الصَّائِمَ وَصَلَّى بِي الْعِشَاءَ إِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ وَصَلَّى بِي الْفَجْرَ فَاسْفَرْتُ ثُمَّ التَفْتُ إِلَى فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ هَذَا وَقْتُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِكَ وَالْوَقْتُ مَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقْتَيْنِ Bermaksud: "Ibnu `Abbaas meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jibril a.s. telah mengimamiku dekat Baitillah dua kali. Beliau bersembahyang Zohor denganku apabila matahari tergelincir dan bayang (sesuatu yang menegak) telah melebar seperti tali kasut. Beliau (Jibril a.s.) bersembahyang `Ashar denganku ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Kemudian bersembahyang denganku -maksud Baginda s.a.w. Maghrib- ketika orang yang berpuasa berbuka. Kemudian bersembahyang `Isyaa' ketika lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh denganku ketika orang yang hendak berpuasa mulai haram makan dan minum. Pada keesokan harinya beliau (Jibril a.s.) bersembahyang Zohor denganku ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Beliau bersembahyang `Ashar denganku ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Kemudian bersembahyang Maghrib denganku ketika orang yang berpuasa mulai berbuka. Kemudian bersembahyang `Isyaa' denganku ketika telah berlalu sepertiga malam. Kemudian bersembahyang Subuh denganku pada waktu cerah tanah. Kemudian Jibril berpaling kepadaku lalu berkata: "Wahai Muhammad, inilah waktu (sembahyang) para nabi sebelumnya. Waktu sembahyang (yang lima itu) adalah di antara dua waktu (semalam dan hari) ini." (Hadits riwayat Abu Daud, Ibnu al-Jaarud, Baihaqi, Ahmad dan Ibnu Abi Syaibah. Teks hadits dengan isnad yang diberikan di atas adalah berdasarkan riwayat Abu Daud). Tujuan Imam Bukhari mengadakan Bab Waktu Zohor dengan qaid عند الزوال ialah untuk menolak pendapat golongan ini dan dalil yang dipegang mereka itu. Qaid عند الزوال itu

juga mengisyaratkan bahawa Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan jumhur 'ulama'. Alasan jumhur 'ulama' yang tidak menerima pakai hadits riwayat Abu Daud dan lain-lain yang bertaraf hasan itu seperti yang dipakai golongan tadi ialah sebenarnya hadits tersebut menceritakan waktu Zohor bagi negeri-negeri seperti Mekah di mana Jibril bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. Ia tidak betul-betul terletak pada khatulistiwa'. Di kawasan-kawasan seperti itu, pada waktu betul-betul tengah hari sekalipun sesuatu yang menegak ada sedikit bayangnya. Memanglah benar bayang itu bukan menandakan matahari telah tergelincir. Maka perlu ada pula sedikit lagi bayang kadar selebar tali kasut. Ia sebenarnya tidak bercanggah sama sekali dengan kenyataan yang diterima jumhur 'ulama' bahawa waktu Zohor bermula sebaik sahaja matahari tergelincir. Ada juga diriwayatkan bahawa segelintir salaf yang lain pula berpendapat, waktu Zohor masuk sebelum matahari tergelincir lagi. Alasan mereka ialah adanya sesetengah hadits yang menunjukkan keharusan bersembahyang Juma'at sebelum matahari tergelincir. Tajuk yang diadakan Bukhari ini sesungguhnya bertujuan menolak kedua-dua pendapat salaf itu. Demikianlah perbincangan tentang permulaan waktu Zohor. Berhubung dengan waktu akhir Zohor pula, para 'ulama' memang berbeza pendapat tentangnya. Imam Abu Hanifah berdasarkan riwayat yang masyhur daripada beliau berpendapat, waktu Zohor berpanjangan sehingga bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Sementara dua orang murid utama beliau, Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani pula berpendapat, waktunya berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Inilah juga pendapat Bukhari, Malik, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama'. Sesetengah 'ulama' dalam mazhab Malik berpendapat, di antara akhir waktu Zohor dan permulaan waktu 'Ashar terdapat waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Lamanya adalah sekadar empat raka'at sembahyang. Dalam waktu ini seseorang dapat mengerjakan kedua-dua sembahyang Zohor dan 'Ashar. Alasan mereka ialah jika diperhatikan hadits-hadits yang memuatkan kisah Jibril bersembahyang bersama Nabi s.a.w., anda akan dapati pada hari pertamanya Jibril bersembahyang 'Ashar dengan Baginda s.a.w. pada ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Pada hari kedua pula mereka bersembahyang Zohor juga pada ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Jadi apabila mereka bersembahyang 'Ashar pada hari pertama dan bersembahyang Zohor pada hari kedua pada masa yang sama, maka itu bererti adanya apa yang dinamakan waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Imam Daud az-Zahiri, Syafi'e Abu Tsaur, dan sekumpulan 'ulama' dalam mazhab syafi'e pula berpendapat, waktu akhir Zohor ialah apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Di antara akhir waktu Zohor itu dan permulaan waktu 'Ashar terdapat فاصلة (satu waktu senggang). Orang yang bersembahyang pada waktu ini tidak dikira bersembahyang pada waktu yang terpilih. Dan orang yang bersembahyang padanya tanpa sebarang ke'uzuran adalah berdosa, walaupun sembahyangnya dikira sah. Waktu senggang ini berakhir apabila bayang sesuatu itu menjadi panjang sedikit sahaja daripadanya. Sesetengah kitab fiqh menggunakan istilah waktu muhmal (waktu hampa) untuk waktu senggang ini. Imam Bukhari dan jumhur 'ulama' berpendapat, waktu Zohor berpanjangan hingga rapat ke waktu 'Ashar. Bagi mereka tidak ada apa yang dinamakan dengan waktu musytarak atau waktu senggang itu. Inilah yang ditegaskan oleh Bukhari dalam tajuk bab berikut nanti. Ringkasnya para 'ulama' berbeza pendapat tentang tiga perkara berhubung dengan akhir waktu Zohor. (1) Sama ada ia berakhir ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. (2) Tentang ada atau tiadanya waktu musytarak. (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). (3) Tentang ada atau tiadanya waktu senggang atau فاصلة di antara waktu Zohor dan 'Ashar.

⁹²⁶ Ta'liq ini adalah sebahagian daripada hadits Jaabir yang dikemukakan oleh Bukhari secara maushul di bawah Bab Waktu Maghrib nanti. Lihat hadits no: 527.

٥٠٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ حِينَ رَأَعَتْ الشَّمْسُ فَصَلَّى الظُّهْرَ فَقَامَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَذَكَرَ السَّاعَةَ فَذَكَرَ أَنَّ فِيهَا أُمُورًا عِظَامًا ثُمَّ قَالَ مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسْأَلَ عَنْ شَيْءٍ فَلْيَسْأَلْ فَلَا تَسْأَلُونِي عَنْ شَيْءٍ إِلَّا أَخْبَرْتُكُمْ مَا دُمْتُ فِي مَقَامِي هَذَا فَأَكْثَرَ النَّاسُ فِي الْبُكَاءِ وَأَكْثَرَ أَنْ يَقُولَ سَلُونِي فَقَامَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ حُدَافَةَ السَّهْمِيُّ فَقَالَ مَنْ أَبِي قَالَ أَبُوكَ حُدَافَةُ ثُمَّ أَكْثَرَ أَنْ يَقُولَ سَلُونِي فَبَرَكَ عُمَرُ عَلَى رُكْبَتَيْهِ فَقَالَ رَضِينَا بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا فَسَكَتَ ثُمَّ قَالَ عَرِضَتْ عَلَيَّ الْجَنَّةُ وَالنَّارُ أَنْفًا فِي عَرَضٍ هَذَا الْحَائِطِ فَلَمْ أَرَ كَأَكْثَرِ وَالشَّرِّ

507- Abul Yamaan (al-Hakam bin Naafi') meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib (bin Abi Hamzah) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Anas bin Malik meriwayatkan kepada saya bahawa Rasulullah s.a.w. keluar (dari rumah Baginda s.a.w.) sebaik sahaja matahari tergelincir, lalu bersembahyang Zohor.⁹²⁷ Kemudian Baginda berdiri di atas mimbar dan menceritakan tentang kiamat.⁹²⁸ Baginda menyebutkan bahawa pada hari kiamat itu akan berlaku banyak perkara besar. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya: "Sesiapa yang hendak bertanya tentang sesuatu, tanyalah! Segala pertanyaanmu itu akan kujawab selagi aku berada di tempatku ini. Maka menangislah orang ramai."⁹²⁹ Sementara Rasulullah s.a.w. pula terus berkata: Tanyalah aku. Lantas 'Abdullah bin Huzafah as-Sahmi berdiri, lalu bertanya: "Siapa ayahku?" Baginda menjawab: "Ayahmu adalah Huzafah."⁹³⁰ Baginda terus berkata lagi: Tanyalah aku! Pada ketika itu melututlah⁹³¹ 'Umar seraya berkata: "Sesungguhnya kami redha

⁹²⁷ Di awal waktunya. Tidak ada satu pun riwayat yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang Zohor sebelum tergelincir matahari. Ini adalah suatu perkara yang telah diijma'kan oleh para 'ulama', setelah ada segelintir 'ulama' salaf berpendapat waktu Zohor masuk sebelum matahari tergelincir.

⁹²⁸ Sebab wurud hadits ini menurut al-Muhallab ialah Rasulullah s.a.w. telah mendapat tahu bahawa ada orang-orang munafiq menda'wa akan mengemukakan soalan-soalan yang kononnya tidak akan mampu dijawab Baginda s.a.w.

⁹²⁹ Mereka menangis kerana takut akan ditimpa azab seperti umat-umat yang lalu, apabila mereka dimurkai Allah menolak ajaran yang dikemukakan oleh para nabi masing-masing. Antara perkara yang boleh mengundang azab Allah pada fikiran para sahabat yang hadir dalam peristiwa ini ialah perbuatan orang-orang munafiq yang telah menimbulkan kemarahan Baginda s.a.w. Mungkin juga mereka menangis setelah mendengar cerita Nabi s.a.w. tentang hari kiamat yang sangat dahsyat dan penuh dengan huru-hara.

⁹³⁰ Sebabnya 'Abdullah bin Huzafah bertanya begitu ialah kerana banyak pihak terutamanya golongan munafiqin mempertikaikan Huzafah sebagai bapanya yang sebenar.

⁹³¹ Beginilah ma'na asal perkataan بَرَكَ. Menurut Syeikh Zakariya, bagaimanapun kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari memakainya dengan ma'na duduk seperti duduk iftirasy di dalam sembahyang. Alasan mereka ialah duduk dengan cara ini menampakkan lebih beradab. Adapun duduk dengan cara melutut, itu menampakkan kurang sopan di hadapan Rasulullah s.a.w. Oleh